



## KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD GARISPANDUAN SKIM PELABURAN SEJAHTERA



- 1 Tujuan** Sebagai garis panduan untuk menjalan Skim Pelaburan Sejahtera yang telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi sebagai memenuhi Usul Skim dan Produk dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 21 iaitu “Lembaga memikirkan kumpulan dana yang baru untuk melaksanakan produk-produk baru yang mempunyai potensi”.
- 2 Cara Penyertaan** Untuk menyertai skim ini, anggota hendaklah mengisi borang khas yang disediakan. Bagi tujuan membuat bayaran ke skim ini, anggota-anggota hendaklah membayar secara sekali gus dengan cara;

  - (a) Tunai atau pindahan wang; atau
  - (b) Pindahan wang anggota dari tabung simpanan atau lebihan saham di Koperasi Muslimin.
- 3 Jumlah Minima Pelaburan** Jumlah minima untuk menyertai skim ini adalah RM1,000 pada setiap masa.
- 4 Aqad** Wang pelaburan ini di buat atas kontrak/aqad Mudharabah Musytarakah.
- 5 Sijil** Koperasi akan memberikan satu sijil penyertaan kepada Pelabur. Namun perkembangan pelaburan dari semasa ke semasa akan dikemaskini melalui emel/whatsapp.
- 6 Projek** Pelaburan adalah ditetapkan mengikut projek-projek tertentu seperti diputuskan Anggota Lembaga Koperasi.
- 7 Perbelanjaan Pentadbiran** Semua perbelanjaan pentadbiran kegiatan ini akan diambil dari keuntungan pelaburan yang dijalankan.
- 8 Memindahkan, mengeluarkan atau menamatkan Pelaburan** Anggota boleh memindahkan pelaburannya ke akaun-akaun simpanannya di Koperasi atau mengeluarkan pelaburan atau menamatkan simpanan atas permintaan bertulis dari anggota tersebut setelah tamat tempoh matang.
- 9 Tempoh** Tempoh pelaburan ini adalah setahun mulai dari tarikh sijil dikeluarkan. Manfaat daripada hasil pelaburan adalah dikira pada tempoh tersebut.



**KOPERASI MUSLIMIN MALAYSIA BERHAD  
GARISPANDUAN SKIM PELABURAN SEJAHTERA**



- 10 Pembahagian Keuntungan** Pembahagian keuntungan akan dibuat pada kadar 50% (Anggota) : 50% (Koperasi) selepas ditolak kos pentadbiran yang berkaitan. Keuntungan anggota akan dimasukkan ke dalam wadiah anggota dua kali setahun.
- 11 Penama** Anggota Koperasi yang menyertai skim pelaburan ini hendaklah menamakan seorang penama atau wasi sebagai penerima hibah jika berlaku kematian melalui borang khas penyertaan pelaburan.
- 12 Manfaat** Lembaga bolehlah memberikan manfaat lain yang difikirkan wajar dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa seperti;
1. Memberikan manfaat Abrar
  2. Memberi apa-apa keistimewaan lain yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa

**TERMA DAN PERSETUJUAN PEMOHON**

Saya bersetuju dengan syarat-syarat di dalam garispanduan ini dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pelaburan ini.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

NAMA :

NO. K/P:

NO. ANGGOTA: